

10/07/2001

Pelancaran TPPU RM500j bukti kerajaan prihatin

PELANCARAN Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan (TPPU), dengan peruntukan RM500 juta yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membuktikan kerajaan prihatin terhadap keperluan dan kebajikan usahawan Bumiputera.

Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Terengganu (DPMMT), Wan Mohd Albakri Wan Mohd Noor, berkata dewan mengalu-alukan penubuhan tabung itu.

TPPU adalah tabung ketiga dilancarkan kerajaan bagi membantu usahawan Bumiputera yang dilanda kegawatan selain Tabung Pemulihan IKS dan tabung Projek Usahawan Bumiputera (TPUB).

"DPMM mengemukakan memorandum cadangan itu sebaik sahaja berlakunya kegawatan ekonomi pada 1997 lalu," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Terengganu, kelmarin.

Beliau berharap usahawan Bumiputera memanfaatkan tabung itu bagi membantu memulihkan perniagaan yang terjejas kerana krisis ekonomi yang melanda, terutama menyelesaikan faedah pinjaman dan tambahan modal.

(END)